

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Data harian kes positif diperoleh melalui sistem maklumat kesihatan awam

Putrajaya: Data harian kes positif COVID-19 yang diumumkan setiap hari diperoleh melalui sistem maklumat dan kesihatan awam dari setiap negeri.

Justeru, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menafikan dakwaan Kementerian Kesihatan memanipulasi data harian sehingga ia kini mencecah empat angka.

"Data kita peroleh setiap hari sehingga jam 12 tengah hari dan ia menggunakan sistem maklumat kesihatan awam. Setiap negeri, mereka masukkan data itu, kita akan kutip dan bincang.

"Bukan hanya daripada saya, tetapi satu pasukan di sebalik tabir yang akan melihat kepada data, kluster terbabit. Ini bukan manipulasi, ini fakta yang kita ada. Ia sudah digunakan sejak hari pertama," katanya pada sidang media harian COVID-19 di sini, semalam.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, semua pihak tidak seharusnya hanya meherima data yang diumumkan KKM jika kes pada satu angka dan enggan mengaki maklumat disalurkan Kementerian itu apabila ia kini mencecah empat angka.

"Jangan (apabila) data menunjukkan angka kosong dan satu digit kita terima tetapi apabila ia melebihi 1,000 kita tidak terima.

"Hari ini (semalam) contohnya data paling tinggi iaitu 1,240 kes dan kita sudah menjangkakan, unjuran kita sudah menunjukkan kes akan meningkat ke 1,000 kes dalam tempoh masa terdekat.

"Mungkin selepas 31 Oktober, kita sudah tidak ada tiga digit (kes yang dicatatkan) sebaliknya kes sudah menjadi empat digit, melainkan kita dapat menurunkan kadar kebolehan jangkitan kurang satu baru kita dapat melihat perkembangan," katanya.

Sebelum ini, seorang ahli politik dalam laman Facebooknya mendakwa Dr Noor Hisham dan KKM memanipulasi data harian pesakit COVID-19 bagi membongkahkan darurat diadakan.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, beliau berkongsi perjalanan negara berdepan dengan penularan COVID-19 sejak Disember tahun lalu sehingga kini, pada Mesyuarat Khas Raja-Raja Melayu kelmarin.

Beliau juga berkongsi unjuran penularan kes termasuk senario jangkitan COVID-19 selain jangka masa KKM menjalankan tugas di lapangan serta situasi di Sabah.

"Saya juga sempat memaklumkan dalam mesyuarat itu perkembangan terkini dan jangkaan KKM. Saya juga ditanya mengenai vaksin. Saya maklumkan kita masih berusaha untuk mendapatkan vaksin untuk COVID-19," katanya.

Penularan COVID-19

Jumlah kes baharu lonjak kembali empat angka

1,240 jangkitan harian tertinggi pernah direkodkan sejak penularan wabak

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jumlah kes baharu COVID-19 di negara ini melonjak kembali kepada empat angka dengan 1,240 kes semalam, sekali gus menjadikan kes harian tertinggi pernah direkodkan sejak penularan wabak berkenaan.

Jumlah tertinggi pernah direkodkan di Malaysia ialah pada 24 Oktober lalu iaitu 1,228 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 27,805 kes dengan kebolehan jangkitan 9,744 kes.

Katanya, Sabah kekal mencatatkan jumlah kes tertinggi harian iaitu sebanyak 927 kes atau 74.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Selain Sabah, negeri di Lembah Klang turut menyumbang



Dr Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam. (foto BERNAMA)

194 kes atau 15.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan hari ini (semalam).

"Sabah dan negeri di Lembah Klang kini diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Sementara 508 kes (41 peratus) pada hari ini (semalam) adalah daripada kluster di penjara, an-

taranya Kluster Penjara Kepadayan (439 kes), Kluster Seberang Perai (57 kes), Kluster Benteng LD (tujuh kes), Kluster Penjara Tapah (empat kes) dan Kluster Tombok, satu kes," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, tujuh kes kema-

Sabah kekal mencatatkan jumlah kes tertinggi harian iaitu sebanyak 927 kes atau 74.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

tian dilaporkan semalam dan kesemuanya membabitkan pesakit berumur antara 27 hingga 90 tahun di beberapa daerah di Sabah.

Katanya, pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah kes kematian disebabkan oleh COVID-19 sebanyak 236 kes atau 0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. Tiga kes kematian dilaporkan di Hospital Queen Elizabeth, dua kes kematian dilaporkan di Hospital Duchess of Kent dan masing-masing satu kes dilaporkan di Hospital Tawau serta Hospital Tuaran.

Sementara itu, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 691 kes sembuh, menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh di negara ini sebanyak 17,825 kes bersamaan 64.1 peratus.

3 kluster baharu di Sabah, Negeri Sembilan, Perak

Putrajaya: Kementerian Kesihatan kenal pasti tiga kluster baharu COVID-19 yang dikesan masing-masing di Sabah, Negeri Sembilan dan Perak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kluster pertama dikesan di Kudat, Sabah yang dinamakan sebagai Kluster Kapor membabitkan saringan dalam komuniti pelaut yang menetap di Kampung Tanjung Kapor dan sehingga kini sudah menjangkiti 46 individu.

"Kedua ialah Kluster Hampar yang dikesan di daerah Rembau, Negeri Sembilan yang kini sudah menjangkiti lima individu. Bagi kluster ketiga, ia dikesan di daerah Batang Padang, Perak.

"Kluster ketiga ini dikenali sebagai Kluster Penjara Tapah, 11 individu dikenal pasti positif COVID-19 dalam kluster ini dan semua mereka dikesan hasil saringan yang dijalankan di Penjara Tapah pada 12 Oktober lalu," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menjelaskan konsep yang digunakan dalam pemberian nama bagi kluster baharu adalah berdasarkan latar belakang kes indeks bagi kluster terbabit.

"Nama kluster dipilih berdasarkan bangunan, taman atau jalan tempat kediaman atau tempat kerja kes indeks.

"Ini adalah bagi memastikan komunikasi berkesan di antara pihak yang terbabit dalam kawalan dan pengurusan kluster," katanya.

Beliau berkata, nama sesebuah kluster juga boleh dipilih bagi menggambarkan cara penyebaran jangkitan antara kes indeks dan kontak rapat seperti Kluster Auto yang menggambarkan jangkitan kluster di tempat kerja membabitkan pekerja di syarikat automotif dan Kluster Inai yang menggambarkan jangkitan kluster bermula daripada majlis berinai.

"Kementerian Kesihatan sangat berhati-hati dalam pemilihan nama kluster bagi menge-

lakkan sebarang keresahan dan stigma kepada pesakit, penduduk setempat mahu pun organisasi yang terbabit.

"Kementerian juga sentiasa melakukan pengesanan kes secara aktif di lapangan bagi memastikan semua yang terbabit disaring dan diasingkan daripada komuniti sekiranya didapati positif jangkitan Covid-19," katanya.

Pada masa sama, Dr Noor Hisham juga menafikan sistem kesihatan di Sabah semakin lumpuh berikutan penularan COVID-19 di negeri itu.

Katanya, Kementerian sudah menangani isu ditimbulkan termasuk membabitkan peralatan bantuan pernafasan dan peralatan perlindungan peribadi (PPE).

Beliau berkata, perkara yang paling penting ialah penyelarasan dan peruntukan selain kerajaan sudah menyalurkan lebih RM30 juta peruntukan kecemasan untuk memperkukuh sistem kesihatan di Sabah.

Katanya, beliau hairan mengapa banyak pihak gemar percaya kepada persepsi negatif sedangkan fakta dan angka yang ada menunjukkan perkara sebaliknya.

"Sistem kesihatan di Sabah masih lagi mempunyai kapasiti (berfungsi) justeru tidak benar dakwaan sesetengah pihak itu kerana apa yang dimaklumkan adalah maklumat terkini.

"Kami juga akan meningkatkan aktiviti pengesanan dan intervensi kesihatan awam di Sabah. Tidak benar bahawa sistem kesihatan di Sabah semakin lumpuh tetapi kami mengakui bahawa situasi ketika ini lebih sukar dan mencabar.

"Pun begitu kami sudah bersedia menghadapinya berbanding sebelum ini iaitu pada Mac lalu.

"Dari segi penugasan sumber manusia serta PPE dan sebagainya, kami sudah mulakan lebih awal dengan menghantar pasukan ke Sabah termasuk dari negeri lain," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

Kes positif Sabah melonjak 927 kes

Jumlah bertambah berikutan lebih banyak pengesanan aktif

Oleh Suraya Roslan dan Nurul Hidayah Bahauddin
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kes baharu Covid-19 di Malaysia semalam melonjak dan mencatatkan jumlah tertinggi dengan 1,240 kes serta kali kedua melepasi empat angka.

Ia mengatasi kes tertinggi pernah dicatatkan iaitu 1,228 kes pada 24 Oktober lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, Sabah mencatatkan kes terbanyak dengan 927 kes atau 74.8 peratus.

"Jumlah ini melonjak semula berikutan lebih banyak pengesanan kes secara aktif dijalankan di Sabah selain mobilisasi petugas kesihatan banyak membantu usaha saringan di lapangan dan rawatan perubatan.

"Sebanyak 508 kes hari

ini membabitkan lima kluster penjara iaitu Penjara Kepayan mencatatkan 439 kes, Kluster Seberang Perai (57 kes), Kluster Benteng LD (7 kes), Kluster Penjara Tappah (4) dan Kluster Tembok (1).

"Kes ini sememangnya terasing dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)," katanya pada sidang media harian semalam.

Menurutnya, pertambahan kes baharu semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 27,805 kes dengan kes aktif dengan kebolehhajatan ketika ini 9,744 kes.

Katanya, mereka itu sudah diasingkan dan diberi rawatan lanjut.

"Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 194 kes (15.6 peratus dari jumlah keseluruhan kes).

"Daripada 194 kes baharu itu, 120 kes adalah daripada kluster sedia ada dan baharu.

"Untuk makluman, nege-

»INFO

Kes baharu babitkan Sabah sebanyak 927 kes, Selangor (176), Pulau Pinang (61), Negeri Sembilan (25), Kuala Lumpur (17), Perak (8), Sarawak (7), Labuan (5), Johor (4), Kedah (3), Terengganu (3) dan Melaka pula merekodkan dua kes.

ri ini dan juga Sabah sudah diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)," katanya.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu semalam membabitkan Sabah sebanyak 927 kes, Selangor (176), Pulau Pinang (61), Negeri Sembilan (25), Kuala Lumpur (17), Perak (8), Sarawak (7), Labuan (5), Johor (4), Kedah (3), Terengganu (3) dan Melaka pula merekodkan dua kes.

"Daripada 1,240 kes baharu pada hari ini (semalam), terdapat dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Kes berkenaan membabitkan dua warga asing dari Russia di Selangor dan Ukraine (Labuan)," katanya.

Menurutnya, bilangan kes pulih Covid-19 semalam pula mencatatkan sebanyak 691 kes dan menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya adalah 17,825 kes atau 64.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, terdapat juga tujuh pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di Malaysia mencecah 236 kes atau 0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Semua kematian hari ini membabitkan tiga bukan warganegara dan empat warganegara di beberapa hospital di Sabah berusia antara 27 hingga 90 tahun.

"Sehingga kini, terdapat 94 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) membabitkan 31 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : COVID-19



PASUKAN Jabatan Kesihatan Labuan bersedia untuk mengumpul sampel ujian Covid-19 di penempatan Saguking, Labuan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Arahan melibatkan 8.5 juta penduduk di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya

PKPB Lembah Klang dilanjut 14 hari

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR - Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya yang sepatutnya tamat hari ini dilanjutkan selama 14 hari lagi.

Arahan tersebut melibatkan kira-kira 8.5 juta penduduk di Lembah Klang.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan membuat keputusan itu selepas mengambil kira penilaian risiko penularan Covid-19 oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Penilaian risiko oleh KKM mendapati masih terdapat lokasi berisiko tinggi penularan Covid-19 di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

"Mengambil kira risiko tersebut, kerajaan bersetuju melanjutkan PKPB di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya mulai 27 Oktober sehingga 9 November.

"Prosedur operasi standard (SOP) PKPB adalah seperti yang pernah diumumkan sebelum ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPB di Nilai, Negeri Sembilan berkuat kuasa 28 Oktober sehingga 10 November berikutan peningkatan kes positif Covid-19 dalam kalangan warga asing di situ.

Bagaimanapun, kata beliau,



KEADAAN di lokasi tumpuan orang ramai di Bukit Bintang lengang berikutan pelaksanaan PKPB di Bukit Bintang, Kuala Lumpur kelmarin. - SHIDDIQIIN ZON

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di Putra Point Nilai disebabkan dua lokaliti asrama pekerja asrama di situ dikesan menyumbang kepada peningkatan kes positif Covid-19 iaitu di Jalan BBN 1/7B dan Jalan BBN 1/7F serta Jalan BBN 1/2E.

"PKPD di kawasan tersebut akan berkuat kuasa bermula 28 Oktober sehingga 10 November," katanya.

Tambah beliau, PKPD akan turut dilaksanakan di Taman Mesra dan Taman Mawar di Sandakan, Sabah bermula 28 Oktober se-

hingga 10 November 2020 berikutan peningkatan kes positif Covid-19 di kawasan berkenaan.

Jelas beliau, PKPD di kedua-dua lokaliti tu merangkumi 5,100 unit rumah yang melibatkan seramai 22,500 penduduk.

Kata beliau, PKPD di Taman Khazanah Indah dan Pangsapuri Mutiara Kasih, Lahad Datu serta Felda Umas, Kalabakan, Sabah dilanjutkan selama 14 hari lagi sehingga 9 November.

"SOP PKPD adalah sama seperti diumumkan sebelum ini, namun kedai runcit dibenarkan beroperasi dari pukul 6 pagi se-

hingga 6 petang bagi memberi peluang kepada penduduk membeli barang keperluan asas," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan individu di kawasan PKPB yang menyalahgunakan surat kebenaran bekerja untuk tujuan lain seperti bercuti atau berjalan-jalan pada hujung minggu boleh dikenakan tindakan tegas oleh pihak polis.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keluarga Universiti Malaya, Dr. Raftdah Aga Mohd. Jaladin berkata, PKPB yang dilanjutkan untuk tempoh dua minggu lagi

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
• Kes baharu	1,240
Import: 2 Tempatan: 1,238	
• Pulih	691
• Kematian	7
• Masih dirawat	9,744
• Jumlah kes sembuh	17,825
• Jumlah Kematian	236
Jumlah kes keseluruhan	27,805

dibimbing memberi kesan terhadap tahap kesihatan fizikal dan mental murid sekolah di kawasan berkenaan.

"Kesan dalam aspek kesihatan fizikal ialah murid-murid menjadi kurang cergas dan keadaan ini mudah menyebabkan kelesuan fizikal dan sakit mata kerana kekerapan menggunakan gajet dalam tempoh masa yang lama.

"Kelesuan, sakit belakang, sakit mata dan sakit kepala menjadi akibat khusus daripada proses PdP (pengajaran dan pembelajaran) yang dijalankan secara dalam talian. Kesan sebegini juga dirasai oleh golongan ibu bapa yang bekerja," katanya.

1,240 kes, cecah rekod tertinggi

PUTRAJAYA - Kes Covid-19 negara sekali lagi melonjak kepada empat digit bagi angka kes harian pandemik itu semalam dengan 1,240 kes direkodkan.

Angka tersebut adalah yang tertinggi direkodkan dengan kali pertama kes harian empat digit dicatatkan pada Sabtu lalu.

Jumlah tersebut turut disumbangkan daripada 39 kluster aktif dengan tiga daripadanya kluster baharu iaitu Kluster Kapor di Kudat (46 kes), Kluster Hampar di Rembau, Negeri Sembilan (5) dan Kluster Penjara Tapah di daerah Batang Padang, Perak (11).

Pertambahan kes kematian turut dilaporkan membabitkan tujuh kes melibatkan lima lelaki dan dua wanita berusia antara 27 hingga 90 tahun menjadikan sebanyak 236 kes.

Kematian terbaharu itu dica-

takan di Sabah iaitu di Hospital Queen Elizabeth, Hospital Duchess of Kent, Hospital Tuaran dan Hospital Tawau dengan pelbagai latar belakang penyakit.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 927 kes atau 74.8 peratus dan angka itu melonjak semula berikutan kes positif di Penjara Keapayan iaitu 439 kes.

Menurutnya, ia susulan lebih banyak pengesanan kes secara aktif dijalankan di Sabah selain mobilisasi petugas kesihatan telah banyak membantu usaha saringan di lapangan dan rawatan perubatan.


"Aspek logistik dan penghantaran sampel juga ditambah baik bagi membolehkan keputusan ujian RTK-Ag dan RT-PCR dapat diperoleh dengan lebih cepat.

"Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 194 kes atau 15.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, manakala 120 kes daripadanya atau 61.9 peratus adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau menafikan terdapat manipulasi data kes Covid-19 yang dilaporkan di negara ini susulan kes mencecah empat digit iaitu 1,228, Sabtu lalu.

"Data yang diperoleh dikumpul setakat pukul 12 tengah hari setiap hari menggunakan sistem informasi dan maklumat kesihatan dari setiap negeri.

"KKM akan melakukan perbincangan dengan membabitkan pasukan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) yang bertugas di sebalik tabir," katanya.



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Ramai berang kartun mirip Noor Hisham

Tular

KUALA LUMPUR – Tindakan seorang pereka grafik kontroversi melukis watak kartun menyerupai Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah di dalam mangkuk tandas mengundang kemarahan netizen yang menyelar tindakan tersebut dan menyifatkan sebagai sangat biadap.

Lukisan itu yang dimuat naik dengan keterangan *Please use the toilet* (sila gunakan tandas) kini menjadi tular di laman sosial telah mendapat kira-kira 4,800 komen serta 617 perkongsian daripada netizen yang tidak bersetuju dan menyelar tindakan pelukis

berkenaan.

Seorang pengguna Facebook dengan nama Arif Atan berkata, tindakan tersebut adalah sangat biadap dan tidak sepatutnya berlaku.

“Jika letak muka orang politik mungkin tiada siapa yang kisah tapi adalah satu kesilapan besar menggunakan imej DG (Noor Hisham). Kebebasan bersuara bukan lesen untuk biadap tidak kena tempat,” katanya.

Seorang lagi pengguna, Holiz Francis yang juga tidak berpuas hati dengan penyebaran lukisan itu memohon agar segera dipadam.

“Ini sudah melampau. Saya tahu bahawa DG (Noor Hisham) adalah orang yang bekerja keras, sila hormati beliau. Saya mohon

untuk *delete* gambar ini,” tegasnya.

Terdahulu, di laman sosial Twitter pada 24 Oktober lalu, Noor Hisham telah ditanya oleh seorang individu mengenai tindakan segelintir ahli politik yang gagal mematuhi prosedur operasi standard dengan menggunakan peribahasa ‘guru kencing berdiri, murid kencing berlari’.

Noor Hisham kemudiannya membalas ringkas persoalan tersebut dengan satu ciapan berbunyi ‘sila gunakan tandas’ yang kemudiannya mengundang pelbagai persepsi dalam kalangan pengguna laman sosial tersebut.

Ada segelintir pengguna Twitter yang mendakwa soalan tersebut dijawab Noor Hisham dalam nada bergurau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Covid-19: KKM tolak dakwaan manipulasi data pesakit

PUTRAJAYA - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menolak dakwaan pihaknya memanipulasi data harian pesakit Covid-19 di negara ini sehingga ia mencecah empat angka.

Beliau sebaliknya berkata, data pesakit Covid-19 diperolehi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi sistem informasi maklumat dan kesihatan awam setiap negeri.

"Ini (angka) bukan manipulasi tetapi adalah fakta," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, setiap negeri mengemas kini data masing-masing sehingga jam 12 tengah hari.

"Perbincangan bukan hanya daripada saya tetapi satu pasukan di sebalik tabir akan melihat data dan kluster terlibat," katanya.

Dr Noor Hisham turut menampik dakwaan pihak terbabit yang membuat tuduhan itu.

"Janganlah (apabila) data menunjukkan angka kosong dan satu digit kita terima, tetapi apabila ia melebihi 1,000 kes, kita tidak terima data tersebut," katanya.

Terdahulu seorang ahli politik dalam laman Facebook mendakwa Dr Noor Hisham dan KKM memanipulasi data harian pesakit Covid-19 bagi 'menghalalkan' darurat diadakan.

Sementara itu, mengulas mengenai gesaan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang meminta kerajaan mempercepatkan penyaluran dana kepada Sabah kerana bimbang hospital negeri itu akan lumpuh akibat Covid-19, Dr Noor Hisham berkata, kenya-

taan tersebut tidak berasas sama sekali.

"Mereka tidak tahu bahagian kewangan telah meluluskan peruntukan melebihi RM3 juta untuk Sabah dan peroleh darurat telah dibenarkan," katanya.

Justeru, Dr Noor Hisham menegur pihak-pihak terbabit agar mendapat fakta yang tepat ataupun merujuk KKM sebelum membuat laporan.

"Semalam (kelmarin) ada laporan yang mengatakan KKM ada sembilan hospital di Sabah. Tidak benar.

"Kita ada 24 hospital dan satu Hospital Medan yang kesemuanya berfungsi dengan baik," katanya.

Menurutnya, KKM juga tidak mengalami masalah kekurangan katil dan mesin ventilator di negeri itu.

"Kalau kita lihat dari segi kemampuan hospital, penggunaan katil hanya 52 peratus, manakala penggunaan unit rawatan rapi (ICU) pula 60 peratus daripada 128 katil," katanya.

Beliau berkata, KKM mempunyai 26 pusat kuarantin dan sedang melihat enam lagi pusat rawatan risiko rendah Covid-19.

"Dari segi perjawatan, KKM telah meluluskan sebanyak 1,200 perjawatan baharu. Esok (hari ini) kita hantar surat tawaran dan Rabu ini mereka perlu melaporkan diri," katanya.

Menurutnya, tanggapan masyarakat terhadap KKM seolah-olah tidak melakukan sesuatu dan sistem kesihatan akan lumpuh.

"Tetapi ia tidak benar. Banyak sangkaan dan persepsi yang tidak betul dilaporkan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Malaysia catat 1,240 kes baharu

Jumlah kes harian tertinggi yang direkodkan setakat ini

PUTRAJAYA

Tidak sampai 72 jam, Malaysia sekali lagi mencatatkan empat digit kes baharu koronavirus (Covid-19) dengan 1,240 kes, jumlah kes harian tertinggi yang direkodkan setakat ini. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan kes terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 27,805 kes dengan kes aktif sebanyak 9,744 kes. Beliau berkata, daripada kes baharu itu juga, Sabah kekal merekodkan jumlah kes tertinggi

gi dengan sebanyak 927 kes atau 74.8 peratus dari jumlah kes seluruh negara.

"Jumlah kes di Sabah melonjak semula berikutan kes positif di Penjara Keapayan iaitu 439 kes, ini berikutan lebih banyak pengesanan kes secara aktif dijalankan di negeri Sabah.

"Selain itu, mobilisasi petugas kesihatan telah banyak membantu usaha saringan di lapangan dan juga rawatan perubatan," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, daripada keseluruhan kes terbaharu, terdapat dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara yang melibatkan bukan warga negara



DR NOOR HISHAM

yang tiba dari Rusia dan Ukraine.

Menurut Dr Noor Hisham terdapat sebanyak 691 kes pulih Covid-19 dan dengan perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya adalah 17,825 atau 64.1 peratus.

"Sehingga kini, terdapat 94 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 31 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan tujuh kes kematian berkaitan Covid-19," katanya. - Bernama

Lapor polis jika ada perhimpunan besar

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggesa orang ramai membuat laporan polis sekiranya terdapat perhimpunan besar-besaran yang melanggar Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, garis panduan tersebut telah dikeluarkan. "Jika ada yang melihat pelanggaran berlaku, sila laporkan kepada polis," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan pemberita berhubung kebimbangan rakyat terhadap mesyuarat tergempar Barisan Nasional (BN) dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO di Kuala Lumpur semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham turut mengingatkan semua pihak agar tidak bertelagah antara satu sama lain.


Sebaliknya, beliau meminta segenap lapisan masyarakat di Malaysia untuk bersatu melawan Covid-19.

"Kita boleh menang peperangan ini sekiranya semua orang memainkan peranan masing-masing.

"Tolonglah bantu kami untuk putuskan rantaian Covid-19 ini," katanya.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




* Dikemas kini pada jam 8 malam 26 Oktober 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 26,565 kes kepada 27,805 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN:	27,805	PULIH:	17,825	ICU:	94	KEMATIAN:	236	KES BAHARU	+1,240



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

1,240 kes dicatatkan semalam adalah tertinggi sejak pandemik bermula

Kes positif, mati terus melonjak

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 kembali melonjak ke empat angka apabila 1,240 kes yang tertinggi sejak pandemik itu bermula, sekali gus menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini melonjak ke 27,805 kes dengan jumlah kes aktif kebolehhangkitan sebanyak 9,744 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak tujuh lagi kematian direkodkan selain penambahan tiga kluster baharu iaitu Kluster Kapor di Kudat, Sabah (46 kes), Kluster Hampar di Rembau, Negeri Sembilan (lima kes) dan Kluster Penjara Tapah (11 kes).

Menurut beliau, Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 927 kes



NOOR HISHAM ABDULLAH

iaitu melonjak semula berikutan kes positif di Penjara Kepong iaitu 439 kes.

Katanya, situasi itu berikutan lebih banyak pengesanan kes secara aktif dijalankan di negeri

tersebut, selain mobilisasi petugas kesihatan yang telah banyak membantu usaha saringan di lapangan dan juga rawatan perubatan.

Beliau menjelaskan, aspek logistik dan penghantaran sampel juga ditambah baik bagi membolehkan keputusan ujian RTK-Ag dan RT-PCR dapat diperolehi dengan lebih cepat.

"Bagi negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan 194 kes dan daripada jumlah ini, 120 kes adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu.

"Sejumlah 508 kes pula adalah daripada Kluster Penjara Kepong (439 kes), Kluster Seberang Perai (57 kes), Kluster Benteng LD (tujuh kes), Kluster Penjara Tapah (empat kes) dan Kluster Tembok (satu kes) dan kes-kes ini sememangnya terasing," katanya dalam sidang akh-

bar di sini semalam.

Dalam pada itu, Noor Hisham memberitahu, Selangor mencatatkan 176 kes iaitu 109 kes daripada kluster-kluster sedia ada; Pulau Pinang (61 kes); Negeri Sembilan (25 kes), Kuala Lumpur (17 kes) dan Perak (apan kes).

Katanya, di Sarawak pula merekodkan (tujuh kes), Johor (empat kes), Kedah (tiga kes), Terengganu (tiga kes) dan Melaka (dua kes).

"Sehingga kini, terdapat 94 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 31 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Walaupun bagaimanapun terdapat sebanyak 691 kes pulih direkodkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 17,825 kes," katanya.

Noor Hisham turut memaklumkan berhubung konsep yang

diguna pakai Kementerian Kesihatan dalam menamakan kluster Covid-19 yang mana pemilihan nama kluster adalah berdasarkan latar belakang kes indeks bagi kluster tersebut.

Sementara itu, beliau memaklumkan, beliau telah memberikan taklimat kepada Majlis Raja-Raja berhubung perkembangan terkini penularan jangkitan Covid-19 di negara ini di Istana Negara semalam.

Menurut Noor Hisham, Majlis Raja-Raja Melayu turut diberitahu tentang pelaksanaan tugas-tugas Kementerian Kesihatan di lapangan.

Katanya, beliau turut ditanya mengenai perkembangan vaksin virus itu dan memberitahu bahawa terdapat sembilan kajian dijalankan pada fasa ketiga ketika ini, namun, masih belum terdapat laporan lengkap.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



SECOND 4-FIGURE TALLY

RECORD 1,240 NEW COVID-19 CASES

927 cases in Sabah alone with 7 deaths all in the state

TEOH PEI YING
AND MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA recorded the highest ever daily Covid-19 cases, with 1,240 registered up to noon yesterday, bringing the cumulative cases to 27,805.

This was the second time the country reached four figures in daily cases since March, with the last being 1,228 cases reported two days ago.

Only two of the new cases were imported; the rest were local transmissions.

The country's cumulative tally of Covid-19 cases stood at 27,805, with 9,744 active cases.

"This war cannot be won by the Health Ministry. The war cannot

be won by the government.

"Everyone has to play a part. Only then we can win," said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yesterday.

Sabah recorded 927 cases, 74.8 per cent of the total reported yesterday.

This was followed by 194 cases in the Klang Valley, with 177 recorded in Selangor and 17 in Kuala Lumpur.

Penang recorded 61 cases, followed by Negri Sembilan (25), Perak (eight), Sarawak (seven), Labuan (five), Johor (four), Kedah and Terengganu (three), and Melaka (two).

Ninety-four patients were being treated in the Intensive Care Unit (ICU), with 31 needing ventilator support.

Dr Hisham said the National Crisis Preparedness and Response Centre recorded seven fatalities, all in Sabah, raising the death toll to 236.

Among the deceased were a 27-year-old man and a 90-year-old woman.

Dr Noor Hisham said 661 patients had fully recovered and were discharged yesterday.

He said three new clusters were detected in Sabah, Negri Sembilan and Perak.

The Kapor Cluster was detected in Kudat, with 46 cases recorded from screenings in Kampung Tanjung Kapor on Oct 22, he said.

Up to yesterday, 127 people had been screened, with 81 others awaiting results.

The Hampar Cluster was detected in Rembau, with four new cases reported from the close contact of index patient Case 23,736 on Oct 21.

Ninety-six people tested negative while 477 others were awaiting results.

The Tapah Prison Cluster in Batang Padang involved 11 individuals who tested positive following screenings on Oct 12.

Four more close contacts tested positive.

"1,820 tested negative while 437 are waiting for results," said Dr Noor Hisham.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

'ZERO CASE'

TONGOD IS SABAH'S ONLY GREEN ZONE

Strong Covid-19 awareness has kept the virus at bay, says district officer

OLIVIA MIWIL
 TONGOD
 olivia@nst.com.my

THE high-level of awareness of the Covid-19 pandemic among the people here is probably a key factor that enables Tongod to remain as the only green zone district in Sabah.

Its district officer, William Ahlan, said Tongod is just next to Sandakan, which is a red zone,

with economic activities and inbound travels for essential services operating as usual.

"Although there is no guarantee that Tongod, home to about 50,000 people, will continue to record zero Covid-19 cases, I believe the high level of awareness of the people of the Covid-19 virus has kept the infection at bay.

"Apart from the health authorities coming in to conduct Covid-19 screenings of those in contact (with patients) or staff working at reception areas, some had even come forward and were willing to pay for the test," he told the *New Straits Times*.

He said residents here had also reduced their movements.

He said although there were roadblocks allowing those with



The Tongod district office has started quarantining healthcare workers from Semporna.

permits to enter Tongod, special attention is given to Telupid, about 50km from here, where people from other areas come to withdraw cash from banks and utilise other services.

Last month, five people tested positive for Covid-19 in Tongod. They received treatment in Sandakan.

Their close contacts had undergone quarantine there.

Ahlan said the Tongod district office started quarantining healthcare workers from Semporna on Sunday for two weeks.

"As the number of cases in Sandakan is increasing, Tongod has prepared two quarantine centres should there be any new infections here.

"The Tongod district office has requested for food basket aid

from the state government for targeted groups in case villages are placed under lockdown or people are quarantined," he said.

He added that the district office was working on getting assistance for the poor who live about 200km from the town.

Up to yesterday, Sabah registered 6,525 active Covid-19 cases and 98 deaths.

52pc BED OCCUPANCY RATE

Dr Noor Hisham: Sabah's healthcare system not collapsing

PUTRAJAYA: The Health Ministry has denied that the healthcare system in Sabah is collapsing as reported.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Sabah's bed occupancy rate stood at 52 per cent yesterday.

"At the moment, (when we) look at the admission and discharge (rates), the discharge rate is (initially) high. The occupancy

rate is very high, about 70 to 80 per cent. At hospitals, we have 1,202 beds, but only 52 per cent of them are being used. At quarantine and low-risk centres, we have 4,511 beds, and only 28 per cent of them are being used. That makes a total of 5,713 beds, and their utilisation is at 33 per cent," he said at the daily Covid-19 press conference here yesterday.

He said out of 129 intensive care

units, only 60 per cent were being used, while 33 per cent of the 193 ventilators were in use.

He said Sabah's healthcare system was still within its capacity limit.

"It is not true that the state's healthcare system is collapsing.

"Remember, we have 24 hospitals in Sabah. Only nine of them are allocated for Covid-19 treatment. We have a field hospital in Tawau with 100 beds for non-Covid-19 patients.

"So far, we managed to cope. We monitor the discharge and admission (rates) daily. The admission (rate) has increased in Sabah, but it is from prisons. These facilities have their own quarantine centres.

"We are managing well, but we need to prepare for the worst."

He said the ministry could contain the Covid-19 in Sabah in four weeks.

"We admit that this is more difficult and challenging. However, we are more prepared this time compared with March in terms of human resources, facilities, PPE



Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (left) briefing the press in Putrajaya yesterday. With him is his deputy, Dr Hishamshah Mohd Ibrahim. BERNAMA PIC

been addressed, but we need better coordination."

He said to solve the delays in Covid-19 test results in Sabah, 200,000 RTK-antigen were sent to the state by the ministry.

He added that 1,029 medical personnel were deployed to Sabah. Another 1,200, who will get their offer letters, will register tomorrow.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Restrictions to go on until Nov 9

Nilai placed under conditional MCO too

PETALING JAYA: The conditional movement control order (MCO) in Kuala Lumpur, Selangor and Putrajaya has been extended for another two weeks beginning today, says Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Restrictions under the conditional MCO continue, including the ban on inter-district travel and employees undertaking such travels being required to show their staff pass and carry an authorisation letter from their employers.

Schools, kindergartens, nurseries and institutions of higher learning are to remain closed during this period.

Social and cultural activities are not allowed. Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya were initially placed under the conditional MCO for 14 days beginning Oct 14 to 27, following a rise in Covid-19 cases in these areas.

"A risk assessment by the Health Ministry found that there are localities with high risk for the spread of Covid-19," Ismail Sabri said during his daily press briefing yesterday.

He added that Nilai, Negri Sembilan, would also be placed under the conditional MCO, with several localities in the district to be

placed under enhanced MCO from tomorrow to Nov 10. This is due to the surge in cases there, especially among foreign workers.

He also said that Putra Point in Nilai would be placed under the enhanced MCO, with two workers' dormitories there having contributed to the spike.

Also placed under the enhanced MCO are two localities in Sandakan, Sabah, from tomorrow until Nov 10.

"Taman Mesra and Taman Mawar in the town cover 5,100 homes involving 22,500 people," Ismail Sabri said.

The standard operating procedure would be the same as announced previously.

"But grocery stores will be allowed to operate from 6am to 6pm so that locals can buy their essentials," he said.

Ismail Sabri said the enhanced MCO in Taman Khazanah Indah and Pangsapuri Mutiara Kasih in Lahad Datu and Felda Umas in Kalabakan has been extended for another two weeks. It begins today.

In recent weeks, Sabah has been the epicentre of the Covid-19 outbreak in Malaysia.



Financial lifeline

Recipients waiting for their turn to claim Bantuan Prihatin Nasional 2.0 at a Bank Simpanan Nasional branch in Kuala Lumpur. — AZHAR MAHFOF/TheStar



DG: Sabah still has capacity to treat patients

PUTRAJAYA: The Sabah healthcare system is not on the brink of collapse as it still has the capacity to treat Covid-19 patients, says Health director general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. He said he couldn't understand why there was a negative perception of the situation in Sabah, noting that the facts and figures were different than what was perceived.

"It's not true that the health system in Sabah is collapsing, but we admit it is more difficult and more challenging.

"However, we are more prepared this time than before in terms of human resource, facilities, PPE (personal protective equipment) and others. We started preparations much earlier by sending our human resource from the ministry and from other states to assist Sabah," he said during his daily press conference yesterday.

Dr Noor Hisham clarified that currently with the total of 5,713 beds available in the state, only 33% of

them was being used, although initially the bed occupancy was high at 70% to 80%.

He added that 69% of 128 beds in the intensive care units were only being utilised while 33% of 193 ventilator support was being used.

"We are also exploring more space in the nine (designated Covid-19) hospitals so that we can convert the space into ICU spaces whereby we can treat more stage 4 patients."

On Oct 22, Borneo Post reported that Sabah's hospital beds were 99.5% full, adding that its state government was also forced to decide on who is to be admitted.

Dr Noor Hisham pointed out that more PPEs, ventilators and beds have been sent to Sabah to accommodate the growing number of cases, adding that emergency procurement for the state has also been done.

What is more important right now, he said, is for "better coordination" in the state, where the ministry works closely with the police, army,

National Disaster Management Agency (Nadma) and other government agencies.

"This is what we need in Sabah. Hopefully, the coordination in the state is enhanced further, then we can win this war. We have not lost the war yet, neither have we won it," he added.

Dr Noor Hisham estimated that it would take another four weeks before the virus would be able to be contained in Sabah.

The country hit a new record high of 1,240 new Covid-19 cases as of yesterday, with 927 cases from Sabah due to the positive cases detected in the Kepayan prison (439 cases) as well as more active case detection being conducted in the state.

In the Klang Valley, Dr Noor Hisham said 194 cases were detected, of which 120 cases came from new and existing clusters.

There were also three new clusters detected in the country — Perak, Negri Sembilan and Sabah.

Dr Noor Hisham noted that there were two imported cases recorded, bringing the total infections in the country to 27,805 with 9,744 active cases in the country.

"There are 94 Covid-19 cases being treated in ICUs, with 31 cases requiring ventilator support," he said, adding that 691 patients were discharged, bringing the total cumulative number to 17,825.

He also said seven deaths were recorded, bringing the total death toll to 236 cases.

With the majority of the recent Covid-19 deaths coming from Sabah, Dr Noor Hisham said this was because most were mainly elderly patients who probably had lower immunity, and those who had other diseases such as hypertension and diabetes.

Separately, Dr Noor Hisham said his attendance at Istana Negara was to share with the Rulers about the ministry's actions in combating the pandemic since December last year to date.

Masidi: Sabah continues to see most number of daily cases

KOTA KINABALU: Sabah continues to record the nation's highest number of daily Covid-19 cases, with the latest being 927, out of which 439 were from the Kepayan Prison cluster.

The state minister in charge of Covid-19 affairs, Datuk Seri Masidi Manjun, said the Kepayan Prison cluster is from the total of 532 positive cases here, which also saw three deaths in this district.

Sabah recorded seven deaths and 517 recoveries (in 24 hours by noon) yesterday, he said.

"There's the new Kapor cluster in Kudat, where 46 cases were detected," he added.

The district with the second highest number in Sabah is Tawau, at 81 new cases and a death, while Sandakan, Kudat and Lahad Datu recorded 64 (two deaths), 47 and 46 new cases respectively.

Masidi said there was a death in Tuaran, which recorded 28 new cases, followed by Penampang (27 cases), Putatan (23), Semporna (16), Keningau and Kinabatangan, with 11 new cases each, as well as Papar and Kota Belud (10 each).

"Kunak and Kota Marudu have six and four new cases respectively while Pitas and Telupid recorded three new cases each," he added.

Nabawan has two new cases while Beaufort, Tenom and Ranau have one new case each.

On another matter, Masidi said the food basket initiative is ongoing for targeted groups.

"We have distributed 90,471 food baskets statewide," he said.

Masidi also said that 65 roadblocks in 65 localities have been conducted to date, with 27,609 vehicles inspected and 234 drivers asked to turn back.

"Six arrests were made and 25 compounds issued for Covid-19 SOP violators," Masidi said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Jitters as Covid-19 cases reach record high of 1,240

► Sabah posts highest infections at 927 with 439 cases in Kepyayan Prison

PETALING JAYA: A record number of 1,240 Covid-19 cases were recorded yesterday, of which 927 were from Sabah while the Klang Valley recorded 194 new cases.

It was the highest daily tally so far, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said as he allayed fears of hospitals in Sabah not being able to cope with the spike in cases.

"The number of cases in Sabah has spiked again due to the positive cases in the Kepyayan Prison, which recorded 439 cases following more active case detection being carried out in the state," he said at a press

conference yesterday.

"The mobilisation of health workers has aided efforts to carry out field screening as well as medical treatment."

He said the latest development took the cumulative tally for positive cases to 27,805.

There were two new imported cases involving one foreigner infected overseas who arrived in Selangor from Russia and another in Labuan from the Ukraine.

The rest were local transmissions, with Sabah having 927 cases, Selangor (176), Penang (61), Negri Sembilan (25), Kuala Lumpur (17), Perak (8),

Sarawak (seven), Labuan (five), Johor (four), Kedah and Terengganu (three each) and Malacca (two).

As of noon yesterday, 94 patients were in intensive care, with 31 requiring respiratory assistance. Seven deaths were recorded, raising the death toll to 236.

A total of 691 patients have been discharged, with the total number of recoveries at 17,825.

Three new clusters were identified, bringing the total number of active clusters to 39.

The first was the Kapor cluster involving the Kudat district in Sabah where a total of 46 cases were reported since Oct 22. A total of 127 people had been screened and results were still pending for 81 of them.

The second, namely the Hampar cluster, involved the Rembau district

in Negri Sembilan where the index case was identified on Oct 21 and sent to Rembau Hospital.

The last cluster was the Penjara Tapah cluster involving the Batang Padang district in Perak where a total of 11 individuals tested positive through screening conducted in the prison since Oct 12.

Noor Hisham said the name selection for a cluster was based on the background of the index case.

"The name was chosen based on the name of a building, park, residential street, or a workplace of that index case to ensure an effective communication between the parties involved in the cluster and its management," he said.

He added the ministry was careful in naming clusters to avoid anxiety and stigma on the patients, residents or organisations involved.



HIGH MORALE ... Medical frontliners pose before commencing their Covid-19 screening tasks on residents in Kampung Genak in Labuan yesterday. — BERITA HARAPAN